

Kerjasama pintar bantu asnaf

» Perlis
buka ruang
pelbagai pihak
ubah nasib
golongan tak
berkemampuan

Oleh Diyanah Anuar
diyanah@bh.com.my

BH /29.11.13/N4/1/01 PS

► Kangar

Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail menyeru pihak yang berkemampuan melaksanakan kerjasama pintar dalam usaha mengeluarkan warga asnaf dari pada belenggu kemiskinan.

Baginda bertitah, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) yang diterajui anakandanya, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail selaku Yang Dipertua sentiasa membuka ruang untuk kerjasama strategik daripada pelbagai pihak yang prihatin membantu asnaf di negeri ini.

“Kejayaan mewujudkan penempatan baru yang diberikan nama Taman Desa Asnaf, Batu Bertangkup ini adalah antara bukti usaha sama yang begitu baik antara pihak Lzs dengan pihak MAIPs”



Tuanku Syed Sirajuddin melihat Sultan Sharafuddin Idris Shah memetik buah tembikai susu selepas merasmikan Taman Desa Asnaf, Batu Bertangkup

FOTO AMRAN HAMID/BH

Taman Desa Asnaf, Batu Bertangkup ini adalah antara bukti usaha sama yang begitu baik antara pihak Lzs dengan pihak MAIPs.

“Bagi warga asnaf terbabit, gunakan peluang menghuni di perumahan ini untuk mengenal potensi dan membina keyakinan supaya mampu mengubah diri dan keluarga,” titah baginda ketika merasmikan Taman Desa Asnaf, Batu Bertangkup, di sini, semalam.

Turut berangkat, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah; Raja Perempuan Perlis, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatun Shahreenn Akashah Khalil.

Menteri Besar Perlis, Azlan Man dan isteri, Nor Aswana Omar turut hadir.

Bantuan Selangor

Sementara itu, Pengurus LZS, Tan

Sri Syed Anwar Syed Putra Jamalullail dalam ucapannya, berkata kewujudan Taman Desa Asnaf ini sebenarnya bertitik tolak daripada titah Sultan Selangor supaya dana zakat di Selangor disalurkan ke negeri yang kurang sumber zakatnya seperti Perlis, Kelantan dan Kedah.

“Justeru, dalam program yang dikenali sebagai ‘Selangor Prihatin’ ini, dana agihan zakat berjumlah RM10 juta diberi kepada ketiga-tiga negeri ini untuk

“Kejayaan mewujudkan penempatan baru yang diberikan nama Taman Desa Asnaf, Batu Bertangkup ini adalah antara bukti usaha sama yang begitu baik antara pihak Lzs dengan pihak MAIPs”

Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail,
Raja Perlis

pembangunan asnaf, fakir dan miskin.

“Taman Desa Asnaf di Perlis ini adalah projek perintis yang dimulakan pada 2012 meliputi pembinaan rumah untuk asnaf dan projek agroekonomi,” katanya.

50 unit rumah

Katanya, 50 unit rumah kediaman berkembar tiga bilik dan dilengkapi kemudahan surau, rumah kedai dan rumah kampung pelbagai guna siap dibina untuk penghuni di taman ini.